



Rujukan : UKM (S) PKW/ 244/ 3

Tarikh : 8 Januari 2019

Dekan/ Pengarah

Fakulti/ Institut/ Pusat
Universiti Kebangsaan Malaysia.

YBhg. Prof. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

PERMOHONAN GERAN PENYELIDIKAN KURSI KEPIMPINAN WANITA TAHUN 2019

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan, Pusat Kepimpinan Wanita Tun Fatimah Hashim (PKWTFH) akan membuka permohonan Geran Penyelidikan Kursi Kepimpinan Wanita bermula tarikh 15 Januari 2019 – 14 Februari 2019. Garis Panduan permohonan adalah seperti di Lampiran A/

3. Sehubungan itu, semua kakitangan akademik UKM dipelawa untuk memohon geran ini dengan mengisi Borang Cadangan Penyelidikan yang boleh dimuat turun di laman sesawang Pusat Kepimpinan Wanita (www.ukm.my/pkwtfh). Salinan lembut Borang Cadangan Penyelidikan yang telah lengkap perlu dihantar kepada e-mel Pengarah Pusat Kepimpinan Wanita (pghpkw@ukm.edu.my). Pemohon juga perlu mencetak tiga (3) salinan keras borang dan dihantar ke Pejabat Am PKWTFH iaitu selewat-lewatnya pada 14 Februari 2019, jam 5.00 petang.

4. Sukacita diharapkan YBhg. Prof. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan, dapat memaklumkan kepada semua penyelidik di bawah seliaan masing-masing. Sebarang pertanyaan berkenaan perkara ini boleh menghubungi Encik Mohamad Hidir Mohamed di talian 03-8921 4063. Kerjasama daripada YBhg. Prof. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan saya dahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

Salam hormat,

PROF. DATIN DR. NORIZAN ABDUL RAZAK

Pengarah

Pusat Kepimpinan Wanita Tun Fatimah Hashim